Tambahan lagi, terdapat pelajar dan pengajar yang mengalami tekanan semasa beralih daripada pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran dalam talian disebabkan oleh peningkatan pendedahan kepada skrin digital, dan gejala tekanan dan kebimbangan bertambah buruk apabila masa skrin meningkat (Park & Kim, 2021). Oleh itu, reka bentuk pengajaran yang sesuai diperlukan untuk membolehkan penghijrahan yang sesuai kepada pembelajaran dalam talian sekali gus meneguhkan penguasaan pelajar dalam topik yang dibincangkan serta membantu mereka untuk memanfaatkan sepenuhnya internet sebagai perpustakaan terbesar untuk peningkatan kemahiran dan pengetahuan baharu mereka (Kamal et al., 2020).

Penggunaan gamifikasi telah mendapat perhatian sebagai kaedah yang menggalakkan pembelajaran mampan semasa pandemik COVID-19 (Ozcinar et al., 2021; Park & Kim, 2021). Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, konsep gamifikasi, yang ditakrifkan sebagai penggunaan elemen reka bentuk permainan dalam konteks bukan permainan, telah mendapat perhatian dan minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan akademik dan amalan (Ozcinar et al., 2021). Gamifikasi bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pendidikan dengan menjadikan elemen permainan lebih menonjol dan telus kepada pelajar dan melibatkan mereka pada tahap sosial, emosi dan kognitif. Matlamatnya adalah untuk membantu pelajar ingin mengambil bahagian dengan lebih mendalam dalam pembelajaran mereka dan mungkin mengubah konsep sendiri mereka sebagai pelajar (Chapman & Rich, 2018). Penggunaan gamifikasi dalam pembelajaran Fizik didapati mampu meningkatkan pencapaian pelajar dengan ketara (Niro et al., 2021; Tolentino & Roleda, 2017).

Pendekatan gamifikasi dalam pembelajaran menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran melalui misi dan pencarian. Untuk mencapai matlamat ini, dan untuk mereka bentuk misi dan pencarian, para pendidik perlu mengambil kira kebolehan pelajar, seperti pengetahuan dan kemahiran sedia ada mereka. Tambahan pula, pembelajaran dalam talian harus menggabungkan faktor peribadi seperti keperluan pendidikan dan gaya pembelajaran pelajar individu dan keinginan mereka untuk belajar (Park & Kim, 2021). Gamifikasi menyediakan pembelajaran yang berkesan, menawarkan kandungan yang menghiburkan dalam pengajaran konsep abstrak dengan mengubahnya menjadi konsep konkrit seterusnya memberikan impak secara langsung terhadap pembelajaran dan memperkayakan persekitaran pendidikan dalam era digital baharu (de la Cruz et al., 2020; Ozcinar et al., 2021).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Fizik sering dianggap sebagai subjek yang hanya melibatkan penyelesaian masalah melalui penggunaan persamaan dan algoritma khas. Tanpa disedari, fizik memerlukan pengetahuan konsep yang bukan hanya tertumpu kepada pengiraan sahaja. Pemahaman konseptual sangat penting dalam fizik. Ramai penyelidik yang mengaitkan kegagalan pelajar dalam menguasai fizik adalah disebabkan kurangnya pemahaman konsep yang betul. Bahan yang ingin diperkenalkan kepada pelajar haruslah selari dan bersesuaian dengan pengetahuan sedia ada pelajar (Rahardja et al., 2019; Goovaerts et al., 2018; Alias & Ibrahim, 2017; van der Meij & de Jong, 2006). Ini disokong oleh teori

konstruktivisme bahawa pengetahuan terdahulu pelajar mesti berhubung dengan pengetahuan baru yang ingin dibina (Kola & State, 2017). Pelajar seharusnya didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang boleh dihubungkan dengan aplikasi dalam kehidupan seharian (Bezen et al., 2016).

Berdasarkan kepada keputusan Peperiksaan Semester Program Matrikulasi Semester Satu (PSPM1), pencapaian bagi subjek fizik agak tidak memuaskan bagi beberapa kolej matrikulasi di Malaysia. Pencapaian pelajar di kebanyakan kolej matrikulasi berada di bawah skor min yang ditetapkan oleh Bahagian Matrikulasi. Antara faktor yang dilihat sebagai penyumbang kepada pencapaian ini adalah penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran Fizik di matrikulasi (Ashamuddin et al., 2019; Azlina Mazlan, 2018). Kebiasaannya, pensyarah matrikulasi cenderung kepada penggunaan papan putih dan penyediaan nota Fizik berasaskan *slide Power Point* dalam menyampaikan isi pengajaran di dalam kelas. Perkara ini didapati kurang menggalakkan pemikiran kritikal pelajar dan kurang merangsang daya imaginasi mereka. Natiyahnya, ini akan mengakibatkan pelajar sukar memahami konsep-konsep Fizik yang bersifat abstrak (Azlina Mazlan, 2018).

Terdapat lapan topik utama yang dibincangkan bagi sukatan kurikulum Fizik DP014, iaitu; (i) Pengenalan kepada Fizik, (ii) Kinematik Garis Lurus, (iii) Momentum dan Impuls, (iv) Daya (v) Kerja, Tenaga dan Kuasa, (vi) Gerakan Membulat, (vii) Putaran Jasad Tegar dan (viii) Haba, Hukum Gas dan Termodinamik. Melalui kajian analisis keperluan yang telah dijalankan, topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik

merupakan topik yang sukar dikuasai oleh para pelajar. Antara penyumbang utama kepada kesukaran pelajar dalam menguasai topik ini ialah terdapat banyak konsep yang perlu dikuasai, kelemahan pelajar yang tidak dapat memvisualisasikan sesuatu konsep serta kecuaiian dalam manipulasi algebra semasa menyelesaikan soalan. Permasalahan pelajar dalam menguasai topik ini juga merupakan permasalahan pelajar dalam menguasai subjek Fizik yang bersifat abstrak, sukar untuk dibayangkan dalam bentuk visual serta memerlukan kemahiran algebra dalam proses penyelesaian masalahnya (Hazimah Ashamudin, 2021; Mazlan, 2018; Reddy & Panacharoensawad, 2017; Angell et al., 2004). Hal ini turut dikukuhkan dengan laporan ketua pemeriksa Peperiksaan Semester Program Matrikulasi bagi subjek Fizik sesi 2018/2019 yang mendapati bahawa kefahaman konsep asas Fizik pelajar matrikulasi masih di tahap lemah dan pelajar mempunyai asas matematik yang lemah terutamanya dalam manipulasi algebra.

Jika dilihat dari segi penguasaan pelajar terhadap topik yang terkandung dalam spesifikasi kurikulum fizik Program Matrikulasi, Termodinamik merupakan antara topik yang sukar dikuasai oleh pelajar. Termodinamik mengandungi beberapa sub bahagian seperti hukum gas, haba, hukum termodinamik pertama serta perkaitan antara suhu dan tenaga. Berdasarkan kajian lampau terdapat beberapa masalah yang di hadapi pelajar dalam topik ini iaitu, kesukaran dalam membandingkan konsep kerja dalam mekanik dan konsep kerja termodinamik; andaian terhadap perubahan suhu yang terjadi hanya apabila adanya interaksi antara haba, sistem dan persekitaran; kesukaran dalam menentukan jenis proses yang sedang berlaku di dalam sesebuah sistem serta kesukaran dalam menentukan tandaan bagi kerja dan haba (Eda & Sutopo, 2021). Termodinamik terdiri daripada



pelbagai konsep fizikal abstrak yang tidak diketahui oleh pelajar dan kurang menarik untuk diterokai pelajar sekiranya kaedah PdP konvensional masih digunakan. Mereka menganggap bahawa maklumat mengenai termodinamik hanya berlaku untuk masalah yang dikaji di kelas dan bukan untuk masalah yang lebih kompleks dan fenomena samar-samar yang mereka hadapi di luar kelas (Izzati et al., 2017).

Proses PdP di matrikulasi mempunyai cabaran yang tersendiri di mana proses ini berlaku dalam tempoh masa yang agak terhad. Pelajar akan mengikuti proses PdP bagi semua subjek dalam masa lebih kurang 18 minggu sahaja bagi satu semester. Kekangan masa ini dilihat sebagai cabaran utama bagi pensyarah untuk melaksanakan pelbagai strategi pengajaran selaras dengan perkembangan pendidikan yang terkini. Oleh yang demikian, kebanyakan pensyarah masih lagi menggunakan pendekatan tradisional yang berpusatkan pensyarah sekali gus menjadikan pelajar hilang keseronokan untuk belajar (Mazlan, 2018). Keterbatasan waktu perbincangan formal di bilik darjah menyebabkan penyampaian pengajaran berlaku dengan cepat dan tertumpu kepada konsep-konsep penting sahaja secara sehalu berpusatkan pensyarah. Di samping itu, perbezaan keupayaan pelajar di dalam kelas juga menjadi salah satu halangan kepada pensyarah untuk membantu meningkatkan penguasaan konsep pelajar dalam waktu PdP yang terhad (Khairulazuad et al., 2021). Oleh hal yang demikian, terdapat keperluan untuk membangunkan satu modul yang boleh digunakan oleh pelajar yang terdiri daripada pelbagai peringkat pemahaman mengikut kesesuaian waktu dan penguasaan mereka.



Satu program yang dilancarkan oleh BMKPM pada Februari 2021 yang dinamakan sebagai STEMatric Aspire 2021-2025, telah menekankan kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan STEM yang perlu dibangunkan di kolej matrikulasi. Salah satu objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kompetensi pengajaran abad ke-21 pensyarah dan pelajar. Pendekatan pengajaran yang efektif perlu dilaksanakan dalam proses PdP kerana ini akan membantu pelajar untuk membina kemahiran sains mereka sekali gus membentuk pemikiran kritis pelajar dan meningkatkan pencapaian pelajar (KPM, 2017). Perkara ini dapat direalisasikan sekiranya pelajar dapat menguasai konsep yang dipelajari dan mengaplikasikannya ke dalam kehidupan seharian selaras dengan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan oleh BMKPM.

Proses pembelajaran secara dalam talian sepanjang pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia telah menjadi satu anjakan penting kepada pelaksanaan pembelajaran dalam talian daripada pembelajaran secara konvensional (Sia & Abbas Adamu, 2021; Suliyanah et al.; 2021 Kumar et al., 2020). Di Malaysia, perkara ini telah memberi kesan yang besar terhadap pelaksanaan PdP di setiap peringkat institusi termasuklah pelajar Program Matrikulasi. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan telah menyebabkan proses PdP di seluruh peringkat institusi pendidikan terpaksa dijalankan secara dalam talian (N. Azman & Abdullah, 2021; Sia & Abbas Adamu, 2021; Ismail et al., 2020; Mohamad Nasri et al., 2020). Pembelajaran dalam talian ini sememangnya mempunyai pelbagai cabaran yang besar dalam memastikan ianya dapat dilaksanakan secara efektif. Ini termasuklah kemudahan peralatan teknologi yang boleh



diakses oleh pelajar dan lebih masa untuk para pendidik menyediakan penyampaian isi kandungan pembelajaran yang berkesan (Kamal et al., 2020). Proses migrasi kepada pembelajaran secara dalam talian bukanlah sesuatu yang mudah untuk direalisasikan memandangkan penglibatan pelajar merupakan antara faktor utama dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaannya (Karalis & Raikou, 2020). Situasi pandemik yang membimbangkan sudah semestinya memberikan kesan yang negatif kerana pelajar berada dalam keadaan yang kurang bertenang, persekitaran pembelajaran yang kurang memberangsangkan serta kekurangan bahan rujukan di rumah menyebabkan pelajar merasa sukar untuk menguruskan pembelajaran mereka di rumah (Ismail et al., 2020; Sari & Nayır, 2020; Sia & Abbas Adamu, 2021). Oleh hal yang demikian, penyelidik merasakan terdapatnya keperluan untuk membangunkan satu modul yang dapat meningkatkan penglibatan aktif pelajar sekali gus dapat diakses mengikut kesesuaian waktu pelajar itu sendiri.

Kajian-kajian lepas (Goovaerts et al., 2018a; Izzati et al., 2017; Mohd Sharif et al., 2021; Mursalin & Odja, 2020; Yang et al., 2020a) untuk membantu pelajar dalam topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik adalah di luar konteks pembelajaran matrikulasi di Malaysia. Selain itu, terdapat juga modul Fizik yang dibangunkan khusus untuk pelajar matrikulasi, seperti modul yang dibangunkan oleh Shariza Shahari (2020), dan Azlina Mazlan (2018). Namun begitu, ketiga-tiga modul ini menggunakan pendekatan pengajaran seperti berasaskan otak dengan integrasi I-think dan Brain Gym (Mazlan, 2018), kerangka pengajaran STEM-Dialogik (STEM-Di) (Shariza Shahari, 2020) dan modul interaktif menggunakan platform *Moodle* (Ashamuddin et al., 2019).



Oleh itu, masih kurang kajian dilakukan terhadap pembangunan modul pembelajaran sendiri di kalangan pelajar matrikulasi dalam topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik. Sungguhpun terdapat lambakan bahan pembelajaran bagi topik Termodinamik yang berasaskan teknologi atas talian, namun bahan sedia ada ini adalah kurang bersesuaian kerana skop pembelajaran berdasarkan spesifikasi kurikulum yang ditetapkan oleh BMKPM.

Jelas daripada kajian dan dapatan terdahulu, penguasaan pelajar dalam pembelajaran topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik memerlukan penguasaan konsep asas melalui gaya penyampaian yang lebih menarik bukan sekadar teks dan kertas sahaja (Sharif et al., 2021; Goovaerts et al., 2018; Izzati et al., 2017). Menerusi pembelajaran secara dalam talian yang lebih interaktif dan menarik, penyelidik percaya ilmu Fizik terutamanya bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik dapat disampaikan dengan lebih berkesan serta mampu meningkatkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran sendiri. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk penyelidik melakukan penelitian dalam konteks pelajar matrikulasi tentang kesan pendekatan gamifikasi dalam membangunkan sebuah modul pembelajaran sendiri khususnya bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik.

## 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul P-GIM (*Physics Gamified Interactive Module*), sebuah modul pembelajaran sendiri melalui pendekatan gamifikasi. Modul ini dibangunkan menggunakan platform *Genially* serta boleh diakses secara percuma oleh para pelajar secara atas talian. Dalam kajian ini, Modul P-GIM dibangunkan bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik serta diuji keberkesanan penggunaannya terhadap pencapaian pelajar matrikulasi yang terlibat.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan Penyelidikan (PRP) yang lebih dikenali sebagai (*Design and Development Research, DDR*) yang telah diperkenalkan oleh (Richey et al., 2007). Kajian ini terdiri beberapa objektif kajian yang disusun mengikut fasa kajian seperti berikut:

### Fasa 1: Analisis Keperluan

1. Mengenal pasti keperluan untuk membangunkan modul gamifikasi fizik (P-GIM) dalam kalangan pelajar Sistem Empat Semester (SES), Program Matrikulasi berdasarkan pandangan pensyarah dan pelajar.

### Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan

2. Mereka bentuk dan membangunkan modul gamifikasi fizik (P-GIM) bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik berdasarkan pandangan pakar.

3. Menguji kesahan modul gamifikasi fizik (P-GIM).

#### Fasa 3: Penilaian

4. Menguji kebolegunaan modul gamifikasi fizik (P-GIM).
5. Menguji keberkesanan modul gamifikasi fizik (P-GIM) terhadap pencapaian pelajar matrikulasi.

### 1.6 Persoalan Kajian

Bagi menjawab objektif kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dibentuk. Antara persoalan kajian ini adalah:

#### Fasa 1: Analisis Keperluan

1. Adakah terdapat keperluan untuk membangunkan modul gamifikasi fizik bagi pelajar Program Matrikulasi?
  - i. Apakah topik dalam sukatan pelajaran Fizik Sistem Empat Semester (SES), Program Matrikulasi yang sesuai untuk dibangunkan modul gamifikasi fizik?
  - ii. Apakah ciri-ciri modul interaktif yang sesuai dalam pembangunan modul gamifikasi fizik bagi pelajar Program Matrikulasi?
  - iii. Apakah ciri-ciri gamifikasi yang sesuai diterapkan dalam pembangunan modul interaktif fizik modul gamifikasi fizik bagi pelajar Program Matrikulasi?

#### Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan

2. Apakah reka bentuk modul gamifikasi fizik bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik di dalam sukatan pelajaran Fizik Sistem Empat Semester (SES), Program Matrikulasi berdasarkan kesepakatan pakar?
3. Adakah modul gamifikasi fizik mendapat nilai kesahan yang memuaskan?

### Fasa 3: Penilaian

4. Adakah modul gamifikasi fizik mendapat nilai kebolegunaan yang memuaskan?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor pencapaian kumpulan rawatan yang menggunakan modul gamifikasi fizik (P-GIM) dengan kumpulan kawalan yang melalui kaedah pengajaran konvensional bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik?
  - i. Adakah terdapat perbezaan signifikan skor keputusan ujian pra di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik?
  - ii. Adakah terdapat perbezaan signifikan skor keputusan ujian pasca di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik?
  - iii. Adakah terdapat perbezaan signifikan skor keputusan ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik?
  - iv. Adakah terdapat perbezaan signifikan skor keputusan ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan modul gamifikasi fizik bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik?

## 1.7 Hipotesis Kajian

H<sub>O1</sub>: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor keputusan ujian pra bagi pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional dan pelajar kumpulan rawatan yang menggunakan modul gamifikasi fizik (P-GIM) bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik.

H<sub>O2</sub>: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor keputusan ujian pasca bagi pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional dan pelajar yang kumpulan rawatan menggunakan modul gamifikasi fizik (P-GIM) bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik.

H<sub>O3</sub>: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik.

H<sub>O4</sub>: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar kumpulan rawatan yang menggunakan modul gamifikasi fizik (P-GIM) bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan dari kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat dan impak yang positif terhadap perkembangan ilmu pengetahuan terutamanya dari aspek pembelajaran

kendiri menggunakan modul gamifikasi fizik. Ini selari dengan usaha pelbagai pihak dalam mempersiapkan para pelajar untuk mendepani sistem Pendidikan 4.0 selaras dengan kepesatan perubahan arus IR 4.0. Implikasi kajian ini dapat dilihat menerusi kepentingannya dari aspek pelajar, pensyarah dan juga organisasi seperti BMKPM dan kolej matrikulasi itu sendiri.

### 1.8.1 Pelajar

Peningkatan pencapaian dan peningkatan kemahiran berfikir melalui proses PdP merupakan matlamat utama bagi pelajar dan guru. Gamifikasi merupakan satu kaedah yang mampu meningkatkan daya fokus murid di dalam kelas dan seterusnya mampu meningkatkan tahap kemahiran berfikir dan pencapaian mereka (Siti Norhaida Abdul Rahman, 2017). Konsep permainan yang diterapkan dalam modul interaktif ini diharapkan akan bersifat mendidik dan memudahkan pelajar mencapai matlamat yang ditetapkan sekali gus akan mendidik mereka untuk lebih aktif dan kemahiran yang diperoleh secara langsung akan meningkatkan kefahaman dan membantu mereka menguasai topik yang dipelajari.

Kepelbagaian pendekatan dan kaedah serta bahan bantu mengajar akan membuatkan para pelajar merasa teruja untuk mempelajari topik-topik yang seterusnya bagi setiap subjek. Melalui modul interaktif berasaskan gamifikasi, ia mampu membina persepsi baru dalam minda pelajar bahawa subjek dan tugas yang diselesaikan itu lebih ringan dan mudah untuk diselesaikan. Berbeza dengan kaedah soalan dan ujian biasa

yang diberikan di dalam kelas seperti pertanyaan lisan dan soalan kuiz. Perkara ini juga akan dapat menjadikan proses PdP yang berlangsung lebih sistematik dan terarah serta berpusatkan pelajar. Pelajar juga akan didedahkan dengan konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) yang akan membantu mereka untuk mempersiapkan diri menghadapi Revolusi Industri 4.0 (Shariza Shahari, 2020).

Melihat kepada kesukaran pelajar SES Program Matrikulasi untuk menguasai topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik, penyelidik berminat untuk membangunkan satu modul gamifikasi fizik bagi melihat keberkesannya terhadap pencapaian pelajar. Modul ini akan dibangunkan berdasarkan integrasi antara penggunaan pelantar yang dirasakan sesuai serta mudah diakses oleh pensyarah dan pelajar. Selain itu terdapat juga pengintegrasian beberapa laman sesawang dan aplikasi lain seperti *YouTube* dan *PhET* ke dalam modul yang dibangunkan bagi menjadikannya ia menyeronokkan dan mengandungi pelbagai unsur media yang dirasakan dapat membantu pelajar untuk menguasai topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik dengan lebih baik.

### 1.8.2 Pensyarah

Penguasaan pensyarah dalam topik yang diajarkan, kemampuan dalam memilih dan menggunakan kaedah pengajaran serta menetapkan pendekatan yang bersesuaian secara tidak langsung akan melahirkan pensyarah yang inovatif dan kreatif dalam menyampaikan ilmu semasa proses PdP berlangsung (Siti Norhaida Abdul Rahman, 2017). Pensyarah yang bertindak sebagai model dan peneraju utama dalam setiap proses

PdP semestinya mempunyai sikap proaktif dan bijak mempelbagaikan kaedah pengajaran bersesuaian dengan latar belakang dan minat pelajar di dalam kelas mereka. Kemampuan pensyarah dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran khususnya bagi subjek yang mendapat motivasi yang rendah di kalangan pelajar amatlah penting dalam memastikan minat dan perhatian pelajar dapat ditingkatkan semasa proses PdP dijalankan. Kemahiran pensyarah dalam mengendalikan kelas secara dalam talian bagi menyahut seruan kerajaan untuk mengamalkan norma baharu dalam bidang pendidikan khususnya akan dapat ditingkatkan melalui penguasaan pensyarah dalam aplikasi dalam talian semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

### 1.8.3 Institusi Pendidikan

Institusi pendidikan yang terlibat juga akan merasai kesan dari hasil kajian ini terutamanya dalam menyahut seruan BMKPM dalam membudayakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Kajian yang lalu ada menunjukkan bahawa prestasi pencapaian pelajar dapat ditingkatkan menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif (Mazlan, 2018). Pencapaian pelajar yang baik akan menaikkan nama institusi pendidikan tersebut dan barisan pendidikan yang kreatif dapat dilahirkan melalui pendedahan dan galakan dari pihak pentadbir (Siti Norhaida Abdul Rahman, 2017). Kepelbagaian kaedah pengajaran dapat menarik minat dan motivasi pelajar untuk melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Justeru itu, masalah ketidakhadiran pelajar dapat dielakkan. Selain itu, kemahiran yang dimiliki oleh guru dalam mengendalikan kelas secara dalam talian akan




dapat meningkatkan profesionalisme tenaga kerja sesebuah institusi melalui perkongsian di peringkat dalaman mahupun sesama institusi yang lain. Kajian yang dijalankan juga boleh menjadi pemangkin kepada kajian-kajian baru yang akan dihasilkan pada masa akan datang.

### 1.9 Batasan Kajian


Kajian ini melibatkan pembangunan dan penggunaan modul gamifikasi fizik (P-GIM) yang menggunakan *Genially* berdasarkan kesepakatan pakar di fasa dua. Modul ini dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Fizik DP014 di kolej matrikulasi bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik. Modul yang dibangunkan ini sesuai digunakan semasa proses pembelajaran sendiri secara dalam talian dan juga sebagai pengukuhan kefahaman pelajar bagi topik tersebut. Selain itu, kajian ini hanya melihat kesan penggunaan Modul P-GIM terhadap pencapaian pelajar Program Matrikulasi sahaja.

## 1.10 Kerangka Kajian

Fasa analisis keperluan bagi kajian ini bersandarkan kepada Model Diskepanansi (McKillip, 1987). Manakala bagi keseluruhan kajian ini bersandarkan kepada Teori Konstruktivisme. Modul P-GIM dibangunkan dengan mengaplikasikan Teori Konstruktivisme dalam memilih aktiviti serta isi kandungan yang terdapat di dalam modul ini. Bagi fasa reka bentuk dan pembangunan, Teori Pembelajaran Kognitif Multimedia Mayer dijadikan teori sandaran dalam memilih elemen-elemen multimedia yang diterapkan dalam modul yang dibangunkan. Manakala Model ADDIE merupakan model yang dijadikan sandaran dalam menentukan langkah-langkah yang diambil dalam fasa reka bentuk dan pembangunan termasuklah dalam menentukan kesahan Modul P-GIM. Fasa penilaian kajian dilaksanakan bagi melihat kebolegunaan modul setelah dibangunkan. Modul P-GIM yang telah siap dibangunkan juga telah diuji keberkesannya terhadap pencapaian pelajar kumpulan rawatan yang menggunakannya bagi pembelajaran sendiri topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian manakala Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian.



Rajah 1. 1. Kerangka Teori Kajian Diadaptasi dari Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Doh (2020)



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.2, terdapat dua modul pembelajaran sendiri yang diaplikasikan iaitu modul konvensional dan Modul P-GIM bagi pembelajaran topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik. Kerangka konseptual kajian merupakan satu gambar rajah yang mengandungi carta alir yang memberikan gambaran keseluruhan kajian (Darusalam & Sufean, 2018). Fokus kajian ini adalah untuk membangunkan modul gamifikasi fizik (P-GIM) dan seterusnya menilai kebolehgunaan serta keberkesannya terhadap pencapaian pelajar Program Matrikulasi bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik. Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa utama iaitu; (i) fasa analisis keperluan di mana kajian tinjauan dijalankan terhadap pelajar dan pensyarah bagi subjek fizik Program matrikulasi bagi melihat keperluan pembangunan Modul P-GIM, (ii) fasa reka bentuk dan pembangunan di mana Modul P-GIM telah dibangunkan dan diuji kesahannya dalam fasa ini dan (iii) fasa penilaian melibatkan penilaian keberkesanan menggunakan kuasi eksperimen telah dijalankan. Keberkesanan Modul P-GIM terhadap

pencapaian pelajar kumpulan rawatan di dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca telah dianalisis. Pada fasa ini juga, keberkesanan modul pengajaran konvensional telah diuji ke atas kumpulan kawalan berdasarkan skor Ujian Pra dan Ujian Pasca yang telah dijalankan. Perbandingan skor di antara kumpulan kawalan dan rawatan telah dianalisis bagi mendapatkan perbandingan keberkesanan modul yang digunakan bagi setiap kumpulan. Penilaian kebolegunaan Modul P-GIM juga telah dilaksanakan oleh kumpulan rawatan dalam fasa ini menggunakan kaedah tinjauan.

### 1.11 Definisi Istilah

05. Definisi istilah adalah satu proses menjelaskan makna setiap istilah yang terdapat dalam penyelidikan yang dijalankan. Istilah yang digunakan perlulah yang benar, tepat dan sesuai mengikut konteks kajian sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Berikut adalah definisi istilah bagi tujuan pemahaman yang digunakan dalam kajian ini:

#### 1.11.1 Modul Pembelajaran Kendiri

Modul terdiri daripada unit-unit media pengajaran dan pembelajaran yang sistematik dan berturutan dalam membincangkan satu topik yang khusus. Modul dibangunkan bertujuan untuk memudahkan pelajar belajar secara bersendirian serta dapat menguasai isi kandungan pembelajaran dengan lebih mudah dan tepat (Sidek Mohd Noah, 2005). Dalam kajian ini, modul pembelajaran kendiri membawa maksud satu set bahan

pengajaran yang disusun secara sistematik merangkumi nota, contoh soalan berserta cadangan jawapan dan soalan latihan tambahan yang disediakan bagi proses pembelajaran pelajar matrikulasi secara sendiri tanpa pengajaran dari pensyarah bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik. Proses pembelajaran ini menggunakan modul konvensional bagi kumpulan kawalan, manakala bagi kumpulan rawatan pula, pelajar menggunakan Modul P-GIM bagi aktiviti pembelajaran sendiri.

#### **1.11.1.1 Modul Pembelajaran Kendiri Menggunakan Modul P-GIM**

Modul P-GIM yang merupakan satu modul gamifikasi fizik ini boleh diakses secara dalam talian oleh pelajar kumpulan rawatan. Terdapat kata laluan khas yang perlu dimasukkan oleh pelajar sebelum menggunakan modul ini. Modul ini boleh diakses sendiri oleh pelajar di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Fizik bagi membantu meningkatkan penguasaan mereka bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik. Modul P-GIM mengandungi elemen-elemen interaktif seperti nota, contoh soalan berserta tips dan cadangan jawapan, latihan, kuiz, video dan simulasi. Modul ini digunakan oleh kumpulan rawatan tanpa penglibatan pensyarah bagi tujuan pembelajaran sendiri oleh para pelajar yang terlibat. Penerangan berkenaan proses reka bentuk dan pembangunan modul diperjelaskan dalam bab lima kajian ini.

### 1.11.1.2 Modul Pembelajaran Kendiri Menggunakan Modul Konvensional

Pembelajaran kendiri menggunakan modul konvensional bagi kumpulan kawalan pula adalah dengan menggunakan nota dan latihan yang disediakan dalam bentuk paparan *slides PowerPoint* bagi topik yang sama iaitu Haba, Hukum Gas dan Termodinamik. Isi kandungan dalam nota dan latihan yang diedarkan melalui Aplikasi *Whatsapp* juga adalah sama dengan kandungan nota, contoh penyelesaian masalah dan latihan di dalam Modul P-GIM. Malah, tempoh masa penggunaan modul dan kaedah pelaksanaan yang tidak melibatkan proses pengajaran daripada pensyarah adalah sama seperti kumpulan rawatan.

### 1.11.2 Haba, Hukum Gas dan Termodinamik

Dalam silibus Fizik DP014 Program Matrikulasi, topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik merupakan topik terakhir yang dipelajari bagi semester satu dan merangkumi tiga sub topik utama iaitu hukum gas, haba dan termodinamik. Termodinamik merupakan cabang fizik yang berkaitan dengan haba, kerja dan suhu serta hubungannya dengan tenaga, radiasi dan sifat fizikal jirim (Suhaila Sharif & Fitri, 2021). Dalam silibus Fizik DP014, sub topik termodinamik membincangkan tentang proses termodinamik seperti *isochoric*, *adiabatic*, *isobaric* dan *isothermal*. Sementara itu bagi sub topik Haba pula merujuk kepada konsep pemindahan haba secara konduksi serta membincangkan situasi berkaitan kadar pemindahan haba bagi satu-satu jenis bahan yang tertentu. Bagi Hukum Gas pula, sub topik ini membincangkan berkenaan tiga hukum gas

iaitu Hukum Charles, Hukum Gay Lussac dan Hukum Boyle berserta dengan rumus dan graf yang berkaitan bagi setiap hukum yang dibincangkan. Di samping itu, rumus yang berkaitan dengan gas ideal juga dibincangkan dalam topik ini.

## 1.12 Definisi operasi

Definisi operasi bagi kesahan modul, kebolegunaan modul, keberkesanan modul, modul gamifikasi fizik (P-GIM), modul pengajaran konvensional serta ujian pencapaian pelajar akan diterangkan dalam bahagian ini. Kesahan, keberkesanan, dan kebolegunaan modul diterangkan dengan merujuk kepada Modul P-GIM yang telah dibangunkan.

### 1.12.1 Kesahan Modul

Kesahan sesuatu alat ukuran merupakan satu indikasi yang menunjukkan sejauh mana alat berkenaan mampu untuk mengukur data yang sepatutnya (Mohd Majid Konting, 2009). Kesahan merupakan satu proses dalam menentukan sama ada sesuatu alat ukuran yang dibina mampu untuk mengukur dengan tepat dan sistematik apa yang sepatutnya diukur (Sidek Mohd Noah, 2005). Terdapat lima syarat utama bagi memastikan sesuatu modul itu mempunyai kesahan menurut Rusell (1974) di dalam (Sidek Mohd Noah, 2005), iaitu; (i) perlu menepati sasaran populasi, (ii) situasi pengajaran dan kaedah pelaksanaan modul adalah memuaskan, (iii) masa yang diambil untuk menggunakan modul sehingga selesai adalah bersesuaian, (iv) penggunaan modul berjaya meningkatkan



pencapaian pelajar, dan (v) penggunaan modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang. Bagi kajian ini, kesahan Modul P-GIM dijalankan menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada pakar yang dilantik berdasarkan skala Likert lima mata. Huraian proses kesahan Modul P-GIM akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab lima iaitu pada fasa reka bentuk dan pembangunan modul bagi kajian ini.

### **1.12.2 Kebolegunaan Modul**

Kebolegunaan adalah satu atribut kualiti yang menjurus kepada manfaat yang diperoleh pengguna dan mampu menarik minat mereka untuk menggunakannya. Kebolegunaan sesuatu produk dimaksudkan apabila ianya boleh digunakan serta menepati ciri-ciri serta fungsi yang telah direka bentuk bersesuaian dengan ciri-ciri pengguna itu sendiri. Bagi kajian ini, kebolegunaan Modul P-GIM diuji dengan mengedarkan soal selidik kebolegunaan modul yang telah diadaptasi dari (Lund, 2001). Soal selidik ini telah diedarkan kepada 52 orang pelajar kumpulan rawatan yang telah menggunakan Modul P-GIM.

### **1.12.3 Keberkesanan Modul**

Keberkesanan penggunaan modul pengajaran konvensional dan modul gamifikasi fizik (P-GIM) ditentukan dengan melihat perbezaan skor kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca yang telah dilaksanakan. Setiap set Ujian Pra dan Ujian Pasca ini mengandungi dua bahagian iaitu; (i) Bahagian A yang mengandungi

20 soalan objektif dan (ii) Bahagian B yang mengandungi 11 soalan subjektif. Para pelajar diberikan masa selama satu jam untuk menjawab set soalan Ujian Pra dan Ujian Pasca. Sebanyak 20 markah diperuntukkan bagi jawapan Bahagian A dan 40 markah bagi Bahagian B (seperti di Lampiran M dan Lampiran N). Skor pelajar dalam ujian pra dan ujian pasca merupakan kayu pengukur bagi pencapaian akademik dalam kajian ini. Skor yang diperoleh oleh pelajar dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan akan dianalisis untuk menentukan tahap pencapaian mereka. Peningkatan skor bagi setiap kumpulan pelajar bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca dianalisis menggunakan ujian-t berpasangan bagi mendapatkan nilai signifikan,  $p$ , dan melihat keberkesanan modul yang digunakan bagi setiap kumpulan pelajar.

### **1.13 Kesimpulan**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembinaan modul gamifikasi fizik, membina modul gamifikasi fizik dan menilai keberkesanan modul interaktif dalam meningkatkan pencapaian pelajar bagi silibus Fizik DP014, Semester 1, Sistem Empat Semester, Program Matrikulasi, KPM. Bab ini telah membincangkan secara terperinci berkaitan latar belakang kajian, serta permasalahan yang menjadi titik utama teretusnya kajian ini. Kajian ini diharapkan dapat memberikan impak yang positif dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar khususnya bagi topik Haba, Hukum Gas dan Termodinamik.